

Kes meningkat banyak, dijangka terus bertambah

Oleh SAFHRAS KHAN

safkhan@sph.com.sg

KES kanak-kanak dijangkiti penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) bertambah dengan banyaknya sejak awal bulan ini dan dijangka terus meningkat.

Pada minggu pertama bulan ini, 517 kanak-kanak menghidapi penyakit yang berkaitan dengan HFMD dan angka tersebut me-

ningkat kepada 559 pada minggu kedua sebelum berkurangan kepada 496 hujung minggu lalu.

Sepanjang 11 minggu pertama tahun ini, 4,269 kes HFMD dilaporkan, berbanding 3,705 kes dalam tempoh sama tahun lalu.

Ini merupakan kenaikan sebanyak 15 peratus.

Ketua Perkhidmatan Penyakit Berjangkit di Hospital Wanita dan Kanak-Kanak KK, Profesor Mad-

ya Chong Chia Yin, berkata, pihaknya telah merawat 438 kes HFMD sejauh ini.

Namun, tiada kes serius.

HFMD boleh dijangkiti apabila seseorang menyentuh atau mendekati pesakit yang menghidapi HFMD, baik daripada air liur, hingus, najis mahupun air daripada ruam penyakit tersebut.

Doktor sebuah klinik swasta, Dr Nor Azahar, menasihatkan ibu

bapa agar memantau anak-anak mereka.

“HFMD boleh dijangkiti apabila kanak-kanak berada dekat dengan kanak-kanak lain yang menghidap penyakit itu,” katanya.

Pengarah Iman Kindergarten and Childcare, Encik Syah Ibrahim, berkata pihaknya memeriksa murid tadikanya secara fizikal dan memastikan tahap kebersihan tinggi di pusat-pusat pendidikannya.